

09 OCT 1999

Mahathir-Kempen

UMNO LANCAR KEMPEN BESAR-BESARAN PERANGI FITNAH DAN PEMBOHONGAN

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan melancarkan dengan serta-merta kempen besar-besaran untuk memerangi fitnah dan pembohongan yang disebar oleh parti-parti pembangkang.

Katanya kempen itu akan diadakan dalam pelbagai bentuk termasuk ucapan-ucapan penjelasan, kursus-kursus serta pengedaran risalah.

"Kita akan mengadakan perang melawan fitnah dan pembohongan dan ini akan dilakukan di seluruh negara supaya pembohongan tidak akan diterima rakyat," kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu berlangsung selama lebih tiga jam.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata kempen besar-besaran itu amat penting kerana didapati usaha menyebarkan fitnah dan pembohongan oleh parti lawan amat mengelirukan rakyat.

Penyebaran fitnah dan pembohongan oleh parti pembangkang dalam usaha mereka mendapatkan sokongan rakyat dan menimbulkan kebencian terhadap kerajaan amat menjadi-jadi menjelang pilihan raya umum akan datang, katanya.

Kempen itu akan berterusan sehingga pilihan raya umum diadakan.

Dr Mahathir berkata, penyebaran fitnah dan pembohongan yang begitu ketara oleh pembangkang didapati begitu berkesan, sehingga rakyat yang selama ini begitu tenteram dan suka kepada keamanan, gelisah lalu merusuh dan melakukan perkara yang tidak baik dan merosakkan imej negara.

Perbuatan mereka itu menimbulkan ketakutan kepada orang asing untuk melawat Malaysia sebagai pelancong atau untuk datang melabur di negara ini, malah keadaan rusuhan dan demonstrasi berkenaan menyebabkan peniaga kecil, penjaja dan pekedai tempatan kerugian.

Perdana Menteri berkata pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap kerajaan termasuklah sebelum ini dakwaan bahawa kerajaan akan menyuntik kuman HIV/AIDS ke dalam tubuh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jadi pembohongan ini harus diterangkan kepada rakyat supaya mereka tidak akan merusuh walaupun kita sedar bahawa yang merusuh di Kuala Lumpur ini tidak akan mendengar apa orang lain kata".

"Mereka tutup mata, tutup telinga, tutup hati cuma baca Harakah dan dengar syarahan Adil (Parti Keadilan Nasional), tidak mahu dengar syarahan lain walaupun ia benar, mereka tidak akan terima," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno tidak perlu membuang masa kepada mereka yang merusuh itu, tetapi orang lain yang terkeliru perlu diberi penerangan yang jelas.

Umno akan mendedahkan semua pembohongan pihak pembangkang, katanya.

Menjawab satu soalan bahawa bukannya sudah lewat untuk Umno membuat penjelasan berkenaan, Dr Mahathir: "It's never too late."

Beliau berkata, sekiranya Umno tidak bertindak cepat orang ramai akan percaya kepada fitnah berkenaan, yang akan terus diada-adakan selepas satu demi satu.

"Itulah masalah dengan orang, mudah percaya. Mereka sentiasa sedia percaya kepada sesuatu," kata Dr Mahathir yang turut menyebut mengenai fitnah yang pernah dilemparkan terhadapnya termasuk kononnya beliau sudah sakit teruk dan akan meninggal dunia serta tidak boleh mengerjakan ibadat haji.

Beliau berkata pihak yang berkenaan akan terus mengadakan fitnah sehinggalah orang percaya.

"Saya tidak tahu mengapa orang ramai begitu mudah percaya," katanya.

Ditanya apakah kempen yang diadakan itu adalah berikutan laporan Jawatankuasa Umno Bagi Menangani Fitnah yang dipengerusikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, beliau berkata ia adalah sebahagian daripadanya.

"Tapi semua orang sedar bahawa fitnah itu begitu ketara dan berleluasa dan kita tidak boleh serah kepada jawatankuasa fitnah untuk menanganinya," katanya.

Perdana Menteri berkata Umno akan mengeluarkan garis panduan kepada para anggotanya bagi memastikan penerangan, penjelasan, ceramah serta risalah yang akan diadakan semasa kempen itu tidak menyentuh kes-kes dan perbicaraan di mahkamah.

"Ada garis panduan. Kita tidak akan cakap dan sentuh mahkamah, kita bercakap apa yang di luar, kita buat komen tentang Datin Seri Wan Azizah. Apa yang di mahkamah tidak boleh disentuh, kita tidak berani," katanya.

Ditanya apakah kempen itu bermakna beliau akan mengadakan pusingan kedua ke negeri-negeri, Dr Mahathir berkata kempen itu adalah berbeza dengan lawatan pusingan keduanya ke negeri-negeri.

"Yang itu (lawatan ke negeri-negeri) saya akan ikut program," dan menambah kata bahawa beliau akan ke Kedah pada 21 dan 22 Okt ini. Ia antara lain untuk mengadakan majlis menandatangani perjanjian berkenaan pengeluaran gas antara Thailand dan Malaysia.

Mengenai lawatan pusingan pertamanya ke negeri-negeri, Dr Mahathir berkata beliau berpuashati.

"Nampak perpaduan yang kukuh dan sokongan yang baik daripada anggota Umno dan orang ramai," katanya.

Presiden Umno itu turut meminta Pergerakan Wanita Umno meningkatkan peranan mereka dalam kempen pilihan raya akan datang kerana pengundi wanita adalah lebih ramai.

Mengenai Pergerakan Pemuda Umno, beliau berkata Pemuda telah berjaya menyatupadukan tenaga pemuda nasional.

Beliau berkata keahlian Umno yang besar sebanyak 2.7 juta orang adalah satu asas kekuatan dan pucuk pimpinan parti akan mengadakan pertemuan dengan seberapa ramai anggota Umno.

-- BERNAMA

HS AFY PR